

BROSUR BENGKEL

ORGANISASI YANG BERMINAT SILA HUBUNGI

Maimunah Osman
Tel: 019-3139126

mai@menara.com.my

KURSUS / BENGKEL LAIN YANG DITAWARKAN

- Bengkel Kemahiran Berfikir
- Bengkel Kemahiran Berfikir: Pemikiran Kreatif
- Bengkel Berfikir Di Luar Kotak
- Bengkel Mengubah Mind-Set (Anjakan Paradigma)
- Bengkel Membuka Minda
- Kursus Penyelesaian Masalah dan Membuat Keputusan
- Kursus-kursus Edward de Bono
 - Six Thinking Hats
 - Lateral Thinking
 - Direct Attention Thinking Tools
- Kursus Kepimpinan dan Pengurusan Organisasi
- Kursus Kepimpinan dan Pengurusan: Organisasi Pembelajaran
- Bengkel Komunikasi Interpersonal
- Bengkel Komunikasi Interpersonal: Keupayaan Asertif
- Bengkel Pengucapan Awam (supaya orang mendengar)
- Bengkel *Positive Mental Attitude*
- Bengkel Pengurusan Masa (Mencapai Matlamat)

Kembali Kepada Asas Ilmu dan Berfikir



KNOWLEDGE & THINKING
BACK TO BASICS

Menara Technology & Training (SA0001037-P)

BENGKEL KEMAHIRAN BERFIKIR

(Untuk Pegawai-Pegawai)

KEMAHIRAN BERFIKIR

Knowledge (Ilmu) adalah *nucleus* kepada kemajuan ke arah *Knowledge-based Economy*. Mendapatkan ilmu (*Knowledge Acquisition*) tidak banyak membawa peluang penambahbaikan, perubahan dan seterusnya kemajuan, sekiranya tidak dibersekalikan dengan keupayaan berfikir bagi menggunakan ilmu yang telah diperolehi. Pernyataan *Lihat dan Berfikir, Ilmu dan Amal, Maklumat dan Berfikir* menterjemahkan situasi tersebut iaitu menekankan kepentingan keupayaan berfikir manusia.

Seorang yang mahir berfikir berupaya melihat satu situasi secara holistik dan dalam masa yang sama berupaya melihat hubungkait mudah dan kompleks antara elemen-elemen di dalam situasi tersebut. Analisis situasi yang baik akan memudahkan proses penyelesaian masalah dan seterusnya proses membuat keputusan.

Individu yang mahir berfikir juga berupaya menilai argumen dengan objektif dan menghasilkan cadangan yang konstruktif. Ia berfikiran terbuka dan sentiasa melihat satu situasi dengan penuh kemungkinan.

Keupayaan berfikir adalah aset kritikal manusia, yang dianugerahkan hanya kepada manusia dan boleh dipelajari serta dipupuk. Kebanyakan organisasi besar di Barat berjaya mengatasi masalah dalam organisasi melalui potensi warga sendiri, iaitu dengan mewujudkan iklim komunikasi yang baik, di mana setiap warga (*Knowledge-workers*) diberi peluang menggunakan keupayaan berfikir melalui pelaksanaan cadangan, idea-idea baru, dan maklumat yang mereka miliki.

Keupayaan berfikir bukanlah sesuatu yang baru kepada semua manusia. Kita lakukannya di setiap waktu malah kadangkala tidak sedar melakukannya. Hakikat ini tidak patut menjadi sebab dan alasan untuk kita tidak mengendahkan (atau mungkin memperlekehkan) keperluan kita belajar untuk memahirkan lagi kemahiran berfikir kita.

Melalui proses pembelajaran yang dilalui oleh individu, kemahiran berfikir kerap kali seolah-olah diletakkan. Akibatnya kita lihat hari ini masalah yang berlaku adalah disebabkan oleh masalah asas berfikir itu sendiri. Contohnya kegagalan kita melihat masalah dengan perspektif luas sehingga menghadkan langkah penyelesaian itu sendiri.

Bengkel ini memberi peserta rangka konsep berfikir yang boleh digunakan bagi mempertingkatkan keupayaan berfikir semula jadi individu.

TARIKH DAN TEMPOH BENGKEL

3 hari dan tarikh ditetapkan oleh organisasi.

TEMPAT BENGKEL

Kuala Lumpur atau pilihan organisasi.

OBJEKTIF BENGKEL

- Memahami rangka konsep kemahiran berfikir;
- Memahami rangka konsep kemahiran analitikal;
- Memahami rangka konsep kemahiran kritikal; dan
- Memahami rangka konsep kemahiran kreatif.

MATLAMAT BENGKEL

- Membantu memupuk keupayaan berfikir secara holistik;
- Membantu memupuk keupayaan analisis situasi;
- Membantu memupuk keupayaan menyelesaikan masalah;
- Membantu keupayaan membuat keputusan;
- Membantu memupuk keupayaan melihat kelemahan dalam situasi dan memperbaiki secara konstruktif;
- Membantu memupuk keupayaan menjana idea;
- Membantu keupayaan berfikir di luar paradigma apabila diperlukan;
- Membantu keupayaan berfikir secara lebih fokus; dan
- Membantu memupuk sikap positif sebagai individu & pengurus.

KUMPULAN SASARAN

- Kumpulan Pengurusan dan Profesional (**MESTI amat berminat** dengan subjek Kemahiran Berfikir); dan
- Pegawai dalam Kumpulan lain (**MESTI amat berminat** dengan subjek Kemahiran Berfikir).

KOS BENGKEL

Kos boleh dibincangkan.

FASILITATOR UTAMA

Maimunah Osman, instruktur bertauliah teknik-teknik Edward de Bono: Six Thinking Hats, Lateral Thinking, dan Direct Attention Thinking Tools; dan Ujian psikologi Myers Briggs Type Indicators (MBTI).

Fasilitator memiliki kelulusan MPA (UM) (Masters of Public Administration), Diploma Pengurusan Awam (INTAN-Pos-Ijazah), dan BA Hons (UM) (Bachelor of Arts (Geografi) 2nd Class Upper). Beliau telah menghasilkan penulisan 5 buah buku (terbitan INTAN) iaitu Pengucapan Awam (2000), Komunikasi dan Perhubungan Interpersonal (2000), Perangkap Masa (2000), Pengurus Dalam Pelbagai Peranan (2002), dan Kemahiran Berfikir (2004).